

KEMPEN PENGHARAMAN RACUN PEROSAK CARBOFURAN DAN CHLORPYRIFOS UNTUK SEKTOR PERTANIAN



Serdang, 13 Ogos – Kempen Pengharaman Racun Perosak Carbofuran dan Chlorpyrifos untuk Sektor Pertanian yang akan berkuat kuasa pada 1 Mei 2023 merupakan program yang amat penting kepada semua pihak berkepentingan. Semua pihak harus bersedia dan mengambil tindakan serta langkah-langkah pencegahan kepada penggunaan, pengilangan, penjualan serta pengedaran racun perosak carbofuran dan chlorpyrifos.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Dato' Zahimi bin Hassan, Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) selaku urus setia dalam melaksanakan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dari semasa ke semasa

telah mengkaji dan melihat perkembangan antarabangsa dalam industri racun makhluk perosak dengan berpandukan kepada tindakan yang diambil oleh negara-negara maju serta syor daripada pertubuhan antarabangsa demi kepentingan negara.